



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 3 FEBRUARI 2022**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MARITIM TAHAN EMPAT NELAYAN THAILAND, NEGERI KELANTAN, SH -27	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2.	JERAMI GULUNG TARIKAN PELANCONGAN MUSIM KEMARAU, NASIONAL, BH -19	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
3.	MUARA CETEK JEJAS REZEKI 120 NELAYAN, NEGARA, KOSMO -17	LAIN-LAIN
4.	8,000 PESAWAH RESAH, PARAS EMPANGAN SEMAKIN KRITIKAL, NEGARA, KOSMO -16	
5.	BENDANG KERING KINI BERAIR SEMULA, DALAM NEGERI, UM -29	
6.	HARGA SILING RUNCIT AYAM BERMULA 5 FEBRUARI, NASIONAL, SH -7	
7.	KERAJAAN TAMPUNG SUBSIDI, DALAM NEGERI, UM -3	
8.	HARGA AYAM BOLEH NAIK MELEBIHI RM10, NEGARA, KOSMO -5	
9.	COPS INVESTIGATING DEATHS OF 30 COWS ON FRUIT FARM, NEWS IN BRIEF, NST -14	
10.	POLTRY FARMERS WORRIED ABOUT CEILING PRICE, NATION, THE STAR -10	
11.	PAY MORE FOR CHOICE CUTS, NATION, THE STAR -10	
12.	NANTA: INTERVENTION BY THE GOVERNMENT ENSURES STABLE PRICES, NEWS/NATION, NST -6	
13.	GOVT INTERVENED TO STABILISE CHICKEN PRICE, SAYS MINISTER, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -2	
14.	CAMPUR TANGAN KERAJAAN JAMIN HARGA AYAM STABIL, NASIONAL, BH -6	
15.	MASALAH BEKALAN TELUR AYAM BERLARUTAN, NASIONAL, BH -6	
16.	'LANGKAH KURANGKAN 20 SEN TAK SESUAI', NASIONAL, BH -6	
17.	BOLEH NAIK RM10 IKG, LOKAL, HM -10	
18.	AMBIL UNTUNG MINIMUM DEMI PELANGGAN, LOKAL, HM -10	
19.	LEGA HARGA AYAM DIJUAL LEBIH MURAH, LOKAL, HM -10	
20.	HARAP HARGA MAKANAN PUN TURUT DITURUNKAN, LOKAL, HM -10	
21.	HAD TELUR SEPAPAN SETIAP PELANGGAN, LOKAL, HM -10	
22.	SEMUA DALAM DILEMA, LOKAL, HM -11	
23.	STOK TELUR HABIS!, LOKAL, HM -11	
24.	PASAR RAYA HADKAN BELIAN PELANGGAN, LOKAL, HM -11	
25.	LANGKAH WAJAR KURANGKAN HARGA MAKSIMUM RUNCIT, LOKAL, HM -11	
26.	BEKALAN MASIH CUKUP DI MELAKA, LOKAL, HM -11	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/2/2022	SINAR HARIAN	NEGERI KELANTAN	29

Maritim tahan empat nelayan Thailand

PASIR PUTEH - Empat nelayan warga Thailand dicekup Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Kelantan selepas dikesan menceroboh dan menangkap ikan di kawasan perairan negara pada Selasa.

Bot yang dinaiki empat kru warga Thailand termasuk tekong berusia antara 23 hingga 71 tahun itu ditahan Maritim Malaysia Kelantan pada jam 12.30 tengah hari.

Pengarah Maritim Malaysia Kelantan, Kepten Maritim Syed Nor Adli Syed Ab Rahman dalam satu kenyataan akhbar ber-

kata, bot tersebut ditahan pada kedudukan sekitar 85.1 batu nautika dari muara Tok Bali.

“Semasa ditahan tekong gagal mengemukakan sebarang dokumen kebenaran melakukan aktiviti perikanan di perairan Malaysia,” katanya.

Syed Adli berkata, kes akan disiasat di bawah Seksyen 15(1)(a) Akta Perikanan 1985.

Ujar beliau, nilai rampasan termasuk bot, ikan 300 kilogram, 200 liter diesel dan peralatan menangkap ikan dianggarkan berjumlah RM650,000.



Bot nelayan warga Thailand dicekup Maritim Malaysia Kelantan selepas dikesan menceroboh dan menjalankan kerja-kerja perikanan di kawasan perairan negara pada Selasa.

Jerami gulung tarikan pelancongan musim kemarau

Yan: Walaupun tiada lagi pemandangan hijau kuning sawah selepas musim menuai, penduduk di daerah ini kini 'disajikan' pula dengan keindahan jerami gulung pada musim kemarau.

Hasil kreativiti penduduk Kampung Kuala Dulang Kechil (KKDK) di sini, ia kini menjadi tarikan baharu pelancong ke kawasan itu selepas pelbagai reka bentuk jerami dihasilkan sejak minggu lalu.

Wakil penduduk, Senawi Pangeran, 50, berkata 40 penduduk kampung, termasuk beliau terlibat dalam merekabentuk 30 bongkah jerami yang dibeli daripada Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

Setiap gulung jerami dibeli pada harga RM80 dan disusun dalam sawah, selain diurai untuk dijadikan bentuk tertentu. "Ada dalam kalangan penduduk memberi sumbangan untuk memastikan kampung ini mempunyai tarikan tersendiri pada musim kemarau.

"Kali pertama aktiviti ini dijalankan ialah pada Februari 2020 namun akibat COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kami tangguhkan aktiviti ini. Alhamdulillah, ia kini dapat dijalankan semula," katanya.

Senawi berkata, selepas siap disusun menggunakan jentolak, selain direka kepada beberapa bentuk seperti hati, ia mula tular dan mendapat perhatian pengunjung seluruh negara.

Penduduk kampung diberi peluang untuk membuka gerai makan dan minuman di tepi jalan berhampiran sawah selain tempat letak kenderaan yang luas turut disediakan untuk pengunjung.

Sementara itu, pengunjung dari Perlis, Syalqi Fikri, 26, berkata selepas jerami gulung di KKDK tular di media sosial, dia mengajak rakan untuk ke kampung berkenaan bagi mengabdikan kenangan.

Walaupun Perlis juga ada sa-



Pengunjung bergambar di jerami gulung yang menjadi tarikan baharu di Kampung Kuala Dulang Kechil, Yan. (Foto Luqman Hakim Zubir/BH)

wah yang luas, pemandangan jerami gulung masih belum dapat dilihat di negeri itu.

"Seronok dan berbaloi juga datang ke sini, saya dapat bergambar di sini dengan bertolak belakang Gunung Jerai, ia sangat cantik dan pastinya pe-

mandangan ini tidak dapat diperolehi di tempat lain," katanya.

Nabila Zakaria, 27, dari Alor Setar pula mengatakan yang dia teruja dapat menikmati keindahan jerami gulung di depan mata selepas hanya melihatnya di

media sosial sebelum ini.

"Saya rasa kanak-kanak paling gembira kerana mereka boleh naik ke atas jerami ini. Saya harap penduduk kampung dapat sediakan tangga supaya golongan wanita juga dapat naik ke atas jerami," katanya.

Bot penduduk Kampung Tok Jembal sukar keluar ke laut untuk menangkap ikan

Muara cetek jejas rezeki 120 nelayan

OKeh TENGKU DANISH BAHRI
TENGKU YUSOFF

KUALA NERUS – Seramai 120 nelayan di Kampung Tok Jembal di sini, berdepan dilema untuk mencari rezeki di laut ekoran muara pantai di kawasan berkenaan dalam keadaan cetek.

Berdasarkan tinjauan Kosmo!, kedalaman muara pantai yang dahulunya sekitar 4.57 meter kini hanya tinggal kurang satu metex, sekali gus menyebabkan bot nelayan sukar untuk keluar dan mudik ke laut bagi mencari rezeki.

Seorang nelayan, Che Rani Abdullah, 56, berkata, masalah muara pantai cetek itu sebenarnya sudah berterusan sejak empat tahun lalu.

Katanya, masalah tersebut menyebabkan nelayan tempatan terpaksa turun ke laut sebelum pukul 6 pagi pada setiap hari seawaktu air pasang.

"Sekiranya lewat, bot kami tidak boleh melepasi muara pantai kerana akan tersangkut pada beting pasir."



NELAYAN terpaksa menolak bot mereka yang tidak dapat memasuki jeti kerana muara cetek di Pantai Tok Jembal, Kuala Nerus semalam.

"Masalahnya, kami tidak boleh berada lama di laut iaitu hanya sekitar dua hingga tiga jam kerana perlu pulang sebelum air

surut," katanya ketika ditemui di Pantai Tok Jembal di sini semalam.

Che Rani berkata, situasi itu

menyebabkan tidak banyak ikan yang dapat dibawa pulang.

Seorang lagi nelayan, Mohd. Zuki Omar, 45, berkata, bot-bot

nelayan juga sering rosak akibat terkena beting pasir ekoran kecetakan muara pantai berkenaan.

Katanya, setiap kali berlaku kerosakan, kos membaiki amat tinggi iaitu kira-kira RM5,000 selain nyawa nelayan juga turut berisiko ekoran masalah itu.

"Kami pernah bersepakat mengeluarkan duit poket sendiri untuk mengupah pihak swasta mendalamkan muara Pantai Tok Jembal pada tahun 2019.

"Inisiatif mereka yang menelan belanja RM3,000 itu cuma bertahan seminggu sebelum beting pasir kembali berkumpul di muara," katanya.

Sehubungan itu, Mohd. Zuki merayu tindakan bersepadu daripada kerajaan bagi mengatasi masalah tersebut.

"Jika dibiarkan berlarutan lagi, kami golongan nelayan ini yang akan merana dan menderita.

"Lagi pun sudah ramai yang berpindah menurunkan hasil laut ke Mengabang Telipot dan Batu Rakit walaupun lokasi itu agak jauh," katanya.

8,000 pesawah resah, paras empangan semakin kritikal



RAZMAN menunjukkan paras air pada tebing kolam Tasik Bukit Merah yang makin susut di Parit Buritar semalam.

Oleh WAT KAMAL ABAS

PARIT BUNTAR - Lebih 8,000 pesawah padi di daerah Kerian akan terkesan sekiranya penjadualan pengairan diubah ekoran paras air kolam di empangan Tasik Bukit Merah di sini berada pada paras kritikal.

Seorang pesawah, Shahrin Ahmad, 38, berkata, sekiranya berlaku anjakan jadual bagi pengairan air ke sawahnya di kompartmen C, ia akan memberi kesan kepada dirinya serta rakan-rakan pesawah lain.

Ujarnya, mereka yang mengeringkan sawah di Kuala Kurau bagi penanaman padi bagi musim ini bimbang kos operasi meningkat.

"Saya telah memulakan kerja-kerja awal penyediaan tapak se-

perti membajak dan meracun.

"Jika berlaku perubahan jadual pengairan yang telah diumumkan untuk pesawah-pesawah di kompartmen C, maka modal tambahan terpaksa dikeluarkan," keluhnya.

Menurut Shahrin, kompartmen A, B, C dan D akan menjadi kelompok pertama yang terkesan sekiranya paras air di empangan Tasik Bukit Merah terus menyusut.

Seorang lagi pesawah, Muhammad Khalid Che Mat memberitahu, kos meracun rumput kini melambung tinggi ditambah pula dengan kos modal membajak.

"Sekiranya berlaku penjadualan semula, maka kami pesawah-pesawah di Kuala Kurau terpaksa

membajak semula.

"Kos membajak untuk serelong berjumlah RM120 bagi sekali bajak dan kebiasaannya memerlukan sebanyak tiga kali untuk membajak tanah," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Pertanian, Perlindungan dan Industri Bekalan Makanan negeri, Razman Zakaria berkata, bacaan paras air di Tasik Bukit Merah kini kian susut dan berada pada tahap kritikal.

Ujarnya, sekiranya bacaan paras air ini terus susut sehingga 6.1 meter, maka pelepasan air untuk pengaliran terpaksa dihentikan.

"Di samping itu, jika bacaannya merosot sehingga pada 5.18 meter, maka pembekalan air ke pada Lembaga Air Perak juga turut akan dihentikan," ujarnya.

3/2/2022

UTUSAN
MALAYSIA

DALAM NEGERI

29

Bendang kering kini berair semula

Oleh TOREK SULONG

utusannews@mediamulla.com.my

PASIR PUTEH: Seramai 150 petani yang mengusahakan padi dua musim di Bendang Gaal, Gong Datuk dan Wakaf Buihut, di sini, lega apabila sawah mereka yang kering-kontang sejak sebulan lalu, kembali berair Selasa lalu.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di lokasi itu semalam mendapati, Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kemasin Semerak telah melepaskan air bagi mengairi semula semua kawasan yang terjejas.

Pengarah IADA Kemasin Semerak, Rohani Jusoh berkata, fenomena kemarau menyebabkan air sawah kering dan jika tidak diatasi, tumbesaran lebih 200 hektar tanaman padi varieti CI.20, 277 dan 269 dikhuatiri terbantu.

"Pam besar yang berfungsi mengepam air dari Sungai Yong pula rosak sejak dua minggu lalu. Selepas pam itu siap dibaiki, bekalan air segera dilepaskan ke



Menurut Rohani, sebelum ini, IADA menempatkan dua pam kecil bergerak di Bukit Yong di sini sebagai langkah penyelesaian sementara, namun, masih tidak mampu membekalkan air ke semua bendang yang terlibat.

"Saya minta para pesawah supaya bersabar kerana pihak IADA sedang bertungkus-lumus mencari jalan penyelesaian terbaik kepada masalah kemarau yang boleh merosakkan tanaman mereka ini," katanya.

Kelmarin, akhbar ini melaporkan 150 pesawah yang mengusahakan padi dua musim di tiga bendang terbabit bakal berdepan kerugian lebih RM800,000 apabila tanaman itu terbantut akibat kemarau berlaku lebih awal daripada jangkaan.

Difahamkan, sudah hampir sebulan tiga bendang tersebut tidak menerima bekalan air sehingga menjadi kering-kontang, sekali gus menyebabkan proses pemberian baja kepada benih padi varieti CI.20, 277 dan 269 tidak dapat diteruskan.

SEORANG petani melihat pelepasan air dari Chamber Gong Nangka untuk mengairi kawasan bendang yang kering-kontang di sekitar Gaal, Pasir Puteh, Selasa minggu lalu. **-UTUSAN/TOREK SULONG**

sawah-sawah yang terjejas sejak petang semalam.

"Pihak IADA akan memantau

perkembangan ini dari semasa ke semasa bagi memastikan pengeluaran padi di seluruh ka-

wasan ini dapat diteruskan seperti biasa," katanya ketika dihubungi di sini.

Harga siling runcit ayam bermula 5 Februari

SHAH ALAM - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menetapkan harga siling runcit ayam standard RM8.90 sekilogram di Semenanjung bermula Sabtu.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, ia akan bermula setelah berakhirnya Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) pada Jumaat



**ALEXANDER NANTA
LINGGI**

Menurutnya, harga tersebut akan kekal sehingga 5 Jun 2022 iaitu selama 121 hari bagi menjamin kestabilan harga ayam dan juga makanan lain yang berkaitan.

“Penetapan harga siling runcit ayam bagi Labuan, Sabah dan Sarawak akan dibuat berdasarkan lokasi.

“Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) juga telah diberikan taklimat berkenaan industri pengeluaran ayam dan telur yang menerima impak kenaikan mendadak kos input makanan jagung dan soya merangkumi 70 peratus kos penternakan ayam.

“Dengan peningkatan kos pengeluaran makanan, pihak industri mengemukakan kepada kerajaan supaya harga kawalan dinaikkan dan sekiranya tiada intervensi daripada kerajaan, harga runcit ayam di pasaran masa ini akan melebihi RM10 sekilogram,” katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Beliau berkata, harga runcit RM8.90 merupakan penurunan kali ketiga selepas ditetapkan pada RM9.50 semasa perayaan Deepavali, RM9.30 ketika SHMKM dari 7-31 Disember 2021 serta RM9.10 semasa SHMKM dari 1 Januari hingga 4 Februari 2022.

Tambah beliau, penetapan harga baru runcit ayam akan ditampung melalui subsidi kerajaan sehingga kos pengeluaran ayam kembali rendah dan stabil.

“Beberapa ketetapan bersabit dengan industri pengeluaran ayam dan telur juga telah diputuskan dalam mesyuarat NACCOL tersebut, antaranya adalah harga telur semua gred kekal seperti harga maksimum runcit SHMKM semasa,” katanya.

Bagaimanapun harga siling runcit itu akan dikaji dari masa ke masa bergantung kepada faktor yang mempengaruhi pengeluaran ayam dan telur dalam negara.

3/2/2022

UTUSAN
DALAM NEGERI

3

MALAYSIA

Untuk stabilkan kos pengeluaran ayam kembali rendah dan stabil

Kerajaan tampung subsidi

Oleh MAISARAH
SHEIKH RAHIM

maisarah.r@mediamajika.com.my

PUTRAJAYA: Penetapan harga baharu runcit ayam pada harga RM8.90 sekilogram sebagaimana diputuskan Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) Mengenai Industri Pengeluaran Makanan pada 31 Januari lalu ditampung melalui subsidi kerajaan sehingga kos pengeluaran ayam kembali rendah dan stabil.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Penggub, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, industri pengeluaran ayam dan telur menerima impak kenaikan mendadak kos input makanan jagung dan soya yang merangkumi 70 peratus kos penternakan ayam.

Beliau menjelaskan, dengan peningkatan kos pengeluaran, maka pihak industri mengemukakan kepada kerajaan supaya harga kawalan dinaikkan.

"Sekiranya tiada intervensi daripada kerajaan, harga runcit ayam di pasaran pada masa ini melebihi RM10 sekilogram.

"Harga runcit RM8.90 ini merupakan penurunan kali ketiga selepas ditetapkan pada RM9.50 semasa Perayaan Deepavali, RM9.30 ketika Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) dari 7 hingga 31



PENETAPAN harga baharu ayam pada RM8.90 sekilogram diputuskan selepas kerajaan menyatorkan subsidi sehingga kos pengeluaran kembali rendah. - UTUSAN/FAUZI BAHARUDIN

Disember tahun lalu dan RM9.10 semasa SHMKM dari 1 Januari hingga 4 Februari ini," katanya dalam kenyataan semalam.

Kerajaan menetapkan harga siling runcit ayam itu berkuat kuasa 5 Februari ini setelah berakhirnya SHMKM sehari sebelumnya dan harga ini kekal sehingga 5 Jun depan iaitu selama 121 hari bagi menjamin kestabi-

lan harga ayam dan juga harga makanan lain yang berkaitan.

Alexander berkata, penetapan harga siling runcit ayam bagi Labuan, Sabah dan Sarawak akan dibuat berdasarkan lokasi.

Beliau berkata, beberapa ketetapan rakyat-centric bersabit dengan industri pengeluaran ayam dan telur juga diputuskan dalam mesyuarat NACCOL dipengerusi-

kan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob itu antaranya harga telur ayam semua gred kekal seperti harga maksimum runcit SHMKM semasa.

Kata beliau, harga siling runcit ayam dan telur akan dikaji dari semasa ke semasa bergantung kepada faktor-faktor yang mempengaruhi pengeluaran ayam dan telur ayam negara.

Kosmo! KHAMIS 3 FEBRUARI 2022



PENGURANGAN harga ayam standard sebanyak 20 sen, menjadikan harga baharu maksimum RM8.90 sekilogram mampu meringankan beban rakyat. - GAMBAR HIASAN

Langkah intervensi kerajaan kurangkan beban rakyat

Harga ayam boleh naik melebihi RM10

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA - Harga runcit ayam di pasaran ketika ini boleh melebihi RM10 sekilogram sekiranya tiada campur tangan kerajaan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, dengan peningkatan kos pengeluaran, pihak industri telah mengemukakan kepada kerajaan supaya harga kawalan bahan mentah itu dinaikkan.

Menurutnya, Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) Mengenal Industri Pengeluaran Makanan telah diberikan taklimat berkenaan industri pengeluaran ayam dan telur baru-baru ini.

"Pihak industri telah menerima impak kenaikan mendadak kos input makanan jagung dan soya merangkumi 70 peratus kos penternakan ayam," katanya



KERATAN Kosmo! 31 Januari 2022.

dalam satu kenyataan semalam.

Alexander berkata, harga maksimum ayam standard yang dikurangkan sebanyak 20 sen, menjadikan RM8.90 sekilogram adalah penurunan kali ketiga selepas RM9.50 semasa perayaan Deepavali, RM9.30 ketika Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) dari 7 hingga 31 Disember lalu dan RM9.10 semasa SHMKM dari 1 Januari hingga 4 Februari ini.

Alexander berkata, penetapan harga baharu runcit ayam itu

akan ditampung melalui subsidi kerajaan sehingga kos pengeluaran ayam kembali stabil.

"Dalam mesyuarat NACCOL itu juga, harga telur ayam semua gred kekal seperti harga maksimum runcit SHMKM semasa.

"Pelaksanaan kedua-dua harga siling runcit ayam dan telur bermula 5 Februari sehingga 5 Jun ini, namun harga siling runcit ini akan dikaji dari semasa ke semasa bergantung kepada faktor-faktor yang mempengaruhi pengeluaran ayam dan telur ayam negara," ujarnya.

Kosmo! pada Selasa lalu melaporkan, kerajaan bersetuju harga maksimum runcit bagi ayam standard dikurangkan 20 sen daripada harga siling yang ditetapkan menjadikan RM8.90 sekilogram.

Manakala harga telur ayam semua gred kekal seperti harga kawalan SHMKM semasa bermula 5 Februari hingga 5 Jun ini.

Cops investigating deaths of 30 cows on fruit farm

TAIPING: Police are investigating a case of 40 cows that died in a dragon fruit farm in Trong on Sunday. District police chief Assistant Commissioner Osman Mamat said the Perak police headquarters' forensic unit had taken samples from the water containers used by the cattle and was analysing the fertiliser used at the farm. The Veterinary Services Department is analysing the dead livestock's organs to determine their cause of death. "The complainant was informed by a co-worker about cows around the area when he arrived for work about 9am. It was not known who the cattle belonged to. They were all dead," said Osman. The dead cows were found within a 2km radius of the farm. The distance between the cattle shed and the farm is about 6km, and it was understood that an individual, who owns the cattle, reared 160 cows in the area. He said police would also ask for a post-mortem report.

Poultry farmers worried about ceiling price

By **MANJIT KAUR**
manjit@thestar.com.my

IPOH: Poultry farmers in Manjung say they may have to close shop after the government imposed a cap on the price of chicken and eggs for five months.

Manjung Poultry Farmers Association chairman Tan Wool Perng said farmers were already suffering losses with an increase in the price of chickens and chicken feed.

He said chicken feed now costs RM120 per 50kg.

"We are already facing difficult days, and the latest decision to lower chicken prices by RM0.20 (per kg) will make things harder.

"Even the price of a day-old chick is RM2.20, and farmers need to buy

from breeders.

"The price of wood and steel (for the coops), and workers' salaries are also increasing, so how are we going to survive?" he said yesterday.

Tan said he hoped the government would assist breeders instead of piling on the pressure.

"With the control on the price of poultry and eggs, we are going to suffer, and many may just close down," he added.

The Manjung district has the largest number of chicken breeders in Perak at over 200.

In announcing the price cap, the government said the measure was taken to ensure the prices of essential goods remained affordable.

The maximum price of standard chicken will be lowered by 20 sen to RM8.90 per kg and consumers would pay for eggs according to the price enforced under the maximum price scheme implemented during festive seasons.

It will take effect from Feb 5 to June 5. The current price of chicken is RM9.10 per kg while egg prices range from 39 sen to 49 sen each depending on location and size.

Meanwhile, Perak Coffeeshop Association chairman Ooi Beng Yeaw said its members had yet to discuss any price hike.

He said that since January, many coffeeshops had increased food prices by between 40 sen and 50 sen.

"Usually, the price hike happens

before Chinese New Year with the cost of raw materials and other items on the increase.

"We try to keep our increase really minimal so as not burden consumers," he added.

"We are not sure how the announcement by the government is going to impact breeders, sellers and the chain," he added.

Teacher Ambiga Pillay, 60, however, said it was good that price of chicken and eggs have been lowered as they have been unpredictable in the last few months.

"I sometimes just buy fish or vegetables instead of chicken due to the price.

"For bigger families, a 20 sen price dip will make a lot of difference," she added.

Pay more for choice cuts

Nevertheless, retailers will obey the price cap on standard chicken

By **N. TRISHA**
trishang@thestar.com.my

GEORGE TOWN: Although the price of a "standard chicken" is capped at RM8.90 per kg, those who prefer choice cuts will have to pay more.

At a supermarket chain in Gurney Drive, skinless and boneless chicken breasts are going for RM22.90 per kg, while drumsticks are RM13.30 per kg and de-boned drumsticks - for chicken chop - are RM19.90 per kg.

Branded, antibiotic-free and air-chilled mid-joint wings are priced at RM23.90 per kg, while unbranded, antibiotic-free whole chicken wings are RM14.90 per kg.

Price-controlled "standard chicken" is not found at this supermarket.

Only spring chicken and branded whole chicken which are either organic, free-range, grass-fed or antibiotic-free can be purchased from RM9.10 - RM28.90 per kg.

Another supermarket in George Town has priced its boneless chicken at RM21 per kg, while its fresh chicken fillet is priced at RM21.50 per kg.

A half chicken cut into pieces is sold at RM11.50 per kg.

Asked about the price cap, Gama Supermarket and Departmental Store senior marketing manager Leong Hau Soon said setting a ceiling or affordable price for consumers to get fresh and dressed chicken was vital during these times.



New price soon: The price for standard chicken will drop to RM8.90 from Feb 5, but the price of chicken parts will vary. — ZHAFARAN NASIB/The Star



"We will follow the controlled price set by the government. However, this only applies to a whole bird.

"If we are selling chicken pieces, we will follow the market price," she said.

Sunshine Farlim Shopping Mall manager Gary Gan said the hypermarket has priced its whole chicken slightly below the price cap.

"This is a good thing as the price will not fluctuate for the next few months. This, however, only applies to those who buy a whole chicken.

"Pricing for chicken parts vary, like whole legs which are priced at RM13.90 per kg, chicken breasts at RM18.65 per kg, drumsticks at RM15.30 per kg and chicken wings at RM15.75 per kg.

"Prices went up by around RM2 in November last year," he said, adding that the hike was caused by suppliers who raised the price.

Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob announced on Monday that the maximum retail price for a standard chicken would be reduced by 20 sen to RM8.90 from Feb 5 to June 5. The previous ceiling price was RM9.10 per kg.

Meanwhile, lawyer John Liew said the chicken shortage must be serious as a famous fast food outlet had run out of fried chicken.

"I was told they were out of chicken and only had burgers and chicken nuggets available. It was a bummer as we were expecting chicken for dinner.

"I am stunned that the outlet could not secure enough chicken,"

said the 50-year-old.

Teacher B. Premala, 64, said a whole chicken was priced at RM9.50 per kg last week, which was RM1 - RM1.50 more than the usual price she pays.

"I usually pay around RM8 - RM8.60 per kg. I expected the price to go up as the festive season approached.

"I know that certain places charge more for their chickens, which was why I was careful to buy it at markets where they are reasonably priced.

"Capping the price of standard chicken at RM8.90 per kg is great as it would mean that consumers won't be overcharged," she said.

Premala said she buys chicken every week as it is a staple food for her.

CHICKEN AND RELATED FOOD

Nanta: Intervention by the government ensures stable prices

PUTRAJAYA: The government's intervention to set the maximum retail price of standard chicken at RM8.90 effective this Saturday until June 5 can ensure stability in the prices of chicken and related food, Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi said.

He said if the government did not do so, the retail price of chicken at this time would exceed RM10 per kg following the increase in the cost of poultry farming by 70 per cent.

"In the National Action Council on Cost of Living (NACCOL) spe-

cial meeting on the food production industry on Jan 31, the meeting was briefed on the chicken and egg production industry, which has received the impact of the sharp increase in feed input costs (corn and soya bean).

"Following the increase in production costs, the industry has submitted to the government to increase the ceiling price," he said in a statement yesterday.

Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob on Monday announced that the maximum retail price for standard chicken was reduced by 20 per cent to RM8.90 from the fixed ceiling



Chicken traders in the Chow Kit wet market in Kuala Lumpur yesterday. PIC BY EIZAIRI SHAMSUDIN

price of RM9.10, after chairing the NACCOL meeting.

Nanta said the retail ceiling price of chicken for Labuan, Sabah and Sarawak would be determined based on location.

He added that this was the third time the price of chicken was reduced after it was fixed at RM9.50 per kg during the Deepavali celebration; RM9.30 during the

Malaysian Family Maximum Price Scheme (SHMKM) (Dec 7 to 31, 2021); and RM9.10 during the SHMKM (Feb 1 to 4).

"The new retail price of chicken is covered through the government subsidy until chicken production costs become stable."

Nanta said the ministry always supported the government's proactive measure to ensure that

the National Food Security Policy was always guaranteed in terms of supply as well as to avoid price hikes that burdened the people.

The outcome of the Implementation Task Force Meeting on the long-term action plan, which will be chaired by the Agriculture and Food Industries Ministry, would be reported to the next NACCOL meeting, he said. **Bernamea**

Govt intervened to stabilise chicken price, says minister

PUTRAJAYA: Government intervention to set the maximum retail price of standard chicken at RM8.90 per kilogramme from Saturday until June 5 would stabilise prices of chicken and related food items, said Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi.

He said if the government did not take such a measure, the retail price of chicken would have exceeded RM10 per kg following the increase in the cost of poultry farming by 70%.

He added that a special meeting of the National Action Council on Cost of Living (Naccol) was briefed about the chicken and egg production industry, which was impacted by

► 'If no action was taken, the retail price would have exceeded RM10 per kilogramme due to increases in production costs'

sharp increases in cost of feed (corn and soybean).

"Following the hike in production costs, the industry requested the government for an increase in the ceiling price," he said in a statement yesterday.

Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob announced on Monday, after chairing a Naccol meeting, that the maximum retail price of standard

chicken had been reduced by 20% to RM8.90 from the fixed ceiling price of RM9.10.

Nanta added that the retail ceiling price of chicken for Labuan, Sabah and Sarawak would be determined based on location.

He said this was the third time the price of chicken had been reduced after it was fixed at RM9.50 per kg during the Deepavali celebration,

RM9.30 under the Malaysian Family Maximum Price Scheme from Dec 7 to 31 and RM9.10 under the same scheme from Feb 1 to 4, Bernama reported.

"The new chicken retail price is covered through government subsidy until chicken production costs become stable."

Nanta said the ministry always supports the government's proactive measures to ensure adequate supply and avoidance of price hikes as guaranteed by the National Food Security Policy.

He said the outcome of an implementation task force meeting on a long-term action plan would be tabled at the next Naccol meeting.



Most traders are complying with the festive price control scheme. — SYED AZAHAR SYED OSMAN/THESUN

Do not impose conditions when selling controlled items, traders warned

BALING: The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry has warned traders against imposing conditions on the purchase of controlled goods.

Its enforcement director Azman Adam said the ministry viewed the matter seriously and stern action would be taken against errant traders, including issuing compounds and revoking business licences.

He said several traders in Kelantan and Selangor were found to have

imposed a condition requiring a customer to make a purchase before being allowed to buy subsidised cooking oil.

He added monitoring was being carried out to prevent traders from imposing such conditions.

"I believe that many traders are aware that such practices are illegal."

He said members of the public should report such practices to the ministry so that immediate action can be taken.

He was speaking at a media conference after inspecting the implementation of a Festive Season Maximum Price Control Scheme in Kampung Lalang yesterday.

On the supply shortage of cooking oil and chicken eggs, Azman said it may be due to several factors including the reopening of the economic sector and bulk purchases made by certain parties for victims of the recent floods.

He said the ministry would

continue to monitor the situation to ensure adequate supply of cooking oil, Bernama reported.

Azman said the level of compliance by traders with the Chinese New Year 2022 Festive Season Maximum Price Control Scheme that began on Jan 29 has been satisfactory.

"As of Monday, a total of 3,704 premises nationwide have been inspected and two cases involving price tagging offences were detected."

Campur tangan kerajaan jamin harga ayam stabil

Langkah elak harga runcit di pasaran lebih RM10 sekilogram

Putrajaya: Langkah intervensi kerajaan menetapkan harga runcit bagi ayam standard pada RM8.90 berkuat kuasa Sabtu ini hingga 5 Jun dapat menjamin kestabilan harga ayam dan harga makanan berkaitan, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi.

Sekiranya kerajaan tidak melaksanakan langkah itu, harga runcit ayam di pasaran pada masa ini akan melebihi RM10 sekilogram susulan peningkatan kos penternakan ayam 70 peratus.

"Dalam Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) mengenai Industri Pengeluaran Makanan pada 31 Januari lalu, mesyuarat telah di-

berikan taklimat berkenaan industri pengeluaran ayam dan telur yang menerima impak kenaikan mendadak kos input makanan jagung dan soya.

"Berikutan peningkatan kos pengeluaran, maka pihak industri telah mengemukakan kepada kerajaan supaya harga kawalan dinaikkan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Isnin lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan harga runcit maksimum bagi ayam standard dikurangkan sebanyak 20 sen kepada RM8.90 daripada harga siling RM9.10 yang ditetapkan, selepas mempengerusikan Mesyuarat NACCOL.

Alexander berkata, harga siling runcit ayam bagi Labuan, Sabah dan Sarawak pula akan dibuat berdasarkan lokasi.

Harga runcit itu adalah penurunan kali ketiga selepas ditetapkan pada RM9.60 sekilogram

ketika Deepavali, RM9.30 ketika Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) (7 hingga 31 Disember) dan RM9.10 ketika (SHMKM) (1 hingga 4 Februari).

"Penetapan harga baharu runcit ayam ini ditampung melalui subsidi kerajaan hingga kos pengeluaran ayam kembali rendah dan stabil," katanya.

Alexander berkata, pihaknya sentiasa menyokong langkah proaktif kerajaan bagi memastikan Dasar Sekuriti Makanan Negara sentiasa terjamin dari segi bekalan serta mengelak berlaku kenaikan harga membekalkan rakyat.

Hasil Mesyuarat Taskforce Pelaksanaan mengenai pelan tindakan jangka panjang berkaitan bekalan makanan yang akan dipengerusikan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) tidak lama lagi akan dilaporkan ke Mesyuarat NACCOL akan datang. BERNAMA



Alexander Nanta Linggi



Peniaga di Pasar Siti Khadijah, Kota Bharu, Kelantan menjual ayam antara RM9.50 hingga RM10 sekilogram, semalam. (Foto Mlk Abdullah Mlk Omar/BH)

'Langkah kurangkan 20 sen tak sesuai'

Kuala Lumpur: Langkah pengurangan 20 sen bagi harga ayam standard kepada RM8.90 seperti diumumkan kerajaan, dianggap pengusaha syarikat penternak ayam tempatan sebagai tidak sesuai dalam keadaan harga input meningkatkan kos operasi.

Pengarah Urusan Ayam Bismi Empayar Sdn Bhd, Mazlina Kamarudin, berkata apabila kos operasi meningkat, pengusaha seperti perlu menaikkan harga ayam bagi mengelak kerugian.

Justeru, katanya, pengumuman seperti harga kawalan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) menambah tekanan terhadap penggerak industri yang sudah sedia terhimpit ketika ini.

"Input penternakan ayam yang paling banyak adalah input dedak. Bayangkan dulu harga dedak lebih RM80 satu beg seberat 50 kilogram (kg), sekarang RM120 hingga RM125 bergantung pada kuantiti diambil dan jenama.

"Kerajaan tak boleh bantu kami dari segi kemasukan pekerja asing. Sekarang ramai balik ke Indonesia sebab pandemik.

"Mana yang tinggal sekarang tuntutan gaji lebih tinggi dan kita berebut pekerja asing dengan kilang elektronik yang menawarkan gaji tinggi. Situasi ini menekan harga kawalan ayam," katanya kepada BH, semalam.

Isnin lalu, kerajaan menetapkan harga maksimum runcit bagi ayam standard ialah RM8.90 sekilogram, iaitu pengurangan 20 sen daripada harga siling semasa RM9.10.

Sementara itu, Penasihat Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM), Datuk Jeffrey Ng, berkata pengurangan harga itu tidak memberi kesan ketara dari segi permintaan.

Katanya, permintaan terhadap ayam meningkat menjelang perayaan Tahun Baharu Cina tetapi masih stabil.

"Apabila kerajaan umum harga ayam turun 20 sen, saya tak nampak permintaan ayam akan meningkat mendadak.

"Sebagai penternak, kita ikut arahan walaupun harga dedak naik lagi RM2 hari ini. Sejak 2020 sampai sekarang, harga dedak naik RM34 satu beg beris 50 kg," katanya.

Dalam satu notis pemberitahuan kenaikan harga dedak yang dikeluarkan syarikat pembekalan tempatan berpusat di Pulau Pinang bertarikh 1 Februari lalu, harga siling makanan ternakan itu disahkan naik RM2 bagi setiap beg dedak seberat 50kg.

Di Kota Bharu, peniaga mendakwa mendapat keuntungan minimum demi menjaga pelanggan berikutan kenaikan harga ayam sejak dua hari lalu dan kekurangan bekalan sejak tiga bulan lalu.

Tinjauan di Pasar Siti Khadijah mendapati, ayam dijual antara RM9.50 hingga RM10 sekilogram (kg).

Kebanyakan peniaga mendakwa kekurangan sumber, manakala pembekal ayam menghadkan bekalan kepada peniaga dalam memastikan semua pihak mendapat bahagian untuk jualan.

Zarina Abdullah, 52, menjual ayam pada harga RM9 satu kg sejak bulan lalu dan terpaksa menaikkannya sehingga RM9.50 selepas pemborong menjual pada harga tinggi.

"Saya bimbang sebab bekalan ayam tidak stabil, malah terpaksa mendapatkan bekalan daripada beberapa pemborong di sekitar Kota Bharu," katanya.

Peniaga ayam, Mohd Akif Asyraf Abdullah, 35, berkata kenaikan harga ayam tidak berlaku di peringkat ladang walaupun bekalan ayam mendapat permintaan tinggi.

"Sebelum ini bekalan mudah didapati dan saya boleh menjual sehingga 250 ekor ayam sehari, namun kini pembekal juga berhadapan gangguan bekalan," katanya.

Masalah bekalan telur ayam berlarutan

Kuala Terengganu: Masalah bekalan telur tidak mencukupi di Terengganu berlarutan sejak sebelum lalu dan memberi tekanan kepada peniaga serta pengguna.

Tinjauan ke Pasar Bukit Besar dan beberapa kedai runcit mendapati tiada bekalan telur semua gred di premis terbabit.

Azlan Mohamad, 58, berkata peniaga menerima bekalan telur sekali seminggu berbanding setiap hari sebelum ini.

"Apabila bekalan sampai, tak sampai sehari akan habis kerana ramai berebut," katanya ketika ditemui di kedainya di Pasar Bukit Besar, semalam.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Terengganu, Saharuddin Mohd Kia, berkata masalah bekalan berpuncu di peringkat pengeluaran dan tidak membabitkan semua jenis gred telur.

Di Alor Setar, bekalan telur ayam yang berkurangan di Kedah sejak dua minggu lalu mengundang kebimbangan pengguna terutama peniaga kedai makan.

Tinjauan sekitar daerah Ku-



Peniaga menunjukkan tempat letak bekalan telur yang kosong kerana tiada stok di Kuala Terengganu, semalam. (Foto Ahmad Rabilul Zulkifli/BH)

bang Pasu dan Kota Setar semalam mendapati, kebanyakan rak menjual telur ayam kosong.

Peniaga runcit di Kubang Pasu, Sullana Hassan, 42, berkata per-

mintaan terhadap telur ayam amat tinggi pada waktu ini.

"Kami terpaksa menghadkan satu papan setiap pelanggan kerana stok terhad," katanya.

Boleh naik **RM10** 1kg

Langkah intervensi diambil kerajaan sekat situasi lebih buruk

Bernamea

Putrajaya

Langkah intervensi kerajaan menetapkan harga runcit bagi ayam standard pada RM8.90 berkuat kuasa Sabtu ini hingga 5 Jun hadapan dapat menjamin kestabilan harga ayam dan makanan berkalitan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, sekiranya kerajaan tidak melaksanakan langkah itu, harga runcit ayam di pasaran pada masa ini melebihi RM10 sekilogram susulan peningkatan kos penternakan sebanyak 70 peratus.

"Dalam Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) mengenai Industri Pengeluaran Makanan pada 31 Januari lalu, mesyuarat diberikan taklimat berkenaan industri



Penetapan harga baharu runcit ayam ini ditampung melalui subsidi kerajaan sehingga kos pengeluaran ayam kembali rendah dan stabil

Alexander Nanta Linggi

pengeluaran ayam dan telur yang menerima impak kenaikan mendadak kos input makanan jagung dan soya. "Berikutan peningkatan kos pengeluaran, maka pihak industri mengemukakan kepada kerajaan supaya harga kawalan dinaikkan," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Isnin lalu Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan harga runcit maksimum ba-



Deepavali lalu, RM9.30 ketika Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) (7 hingga 31 Disember) dan RM9.10 ketika (SHMKM) (1 hingga 4 Februari).

"Penetapan harga baharu runcit ayam ini ditampung melalui subsidi kerajaan sehingga kos pengeluaran ayam kembali rendah dan stabil," katanya.

Nanta berkata pihaknya sentiasa menyokong langkah proaktif kerajaan bagi memastikan Dasar Sekuriti Makanan Negara sentiasa terjamin dari segi bekalan serta mengelak berlaku kenaikan harga yang membebankan rakyat.

Katanya, hasil Mesyuarat Taskforce Pelaksanaan mengenai pelan tindakan jangka panjang berkaitan bekalan makanan yang dipengerusikan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) tidak lama lagi dilaporkan ke Mesyuarat NACCOL akan datang.

Lega harga ayam dijual lebih murah

Melaka: Pengguna menyambut baik keputusan kerajaan menetapkan harga maksimum runcit bagi ayam standard RM8.90 sekilogram bermula 5 Februari ini hingga 5 Jun depan.

Tinjauan di Pasar Besar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) di Jalan Tun Fatimah, Bachang, di sini, mendapati pengguna berharap harga siling itu dikurangkan lagi berbanding pengurangan 20 sen daripada harga siling semasa RM9.10.

Pembeli, ST Jegun, 43, berkata, dia lega mengetahui harga siling ayam stan-

dard dikurangkan 20 sen bermula Sabtu ini.

Katanya, pengurangan harga itu walaupun kecil boleh membantu pengguna berjinjit terutama bagi keluarga besar serta peniaga yang membeli ayam dalam kuantiti banyak.

"Saya beli dua hingga tiga ayam setiap kali ke pasar dan dalam seminggu, dua hingga tiga kali saya ke pasar membeli barang keperluan termasuk ayam segar untuk hidangan keluarga.

"Memang wajar harga ayam ini diturunkan dan jika boleh, lebih rendah lagi," katanya.

Harap harga makanan pun turut diturunkan

Seremban: Keputusan kerajaan mengawal harga ayam standard dan harga telur semua gred di peringkat peruncit adalah tindakan tepat sebagai usaha membantu rakyat dalam situasi ekonomi ketika ini.

Suri rumah dari Seremban 2, di sini, Noor Syuhadah Abd Majid, 31, berkata, meskipun harga ayam standard dikurangkan hanya 20 sen daripada harga siling, ia menunjukkan kesungguhan kerajaan dalam membantu pengguna.

"Saya harap peniaga dapat menurunkan harga makanan. Bagaimanapun, saya berpendapat harga makanan tidak turun mendadak kerana tidak semua makanan berasaskan ayam.

"Saya beli ayam sekurang-kurangnya seekor dalam masa seminggu dan dengan kawalan seperti ini

serta Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM), ia dapat mengawal peniaga daripada meletakkan harga ayam lebih tinggi," katanya.

Noor Syuhadah berkata, dia berharap pihak berkuasa seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) membuat pemantauan terhadap peniaga ayam.

"Jika ke pasar raya besar memang mereka ikut harga ditetapkan dan meletakkan tanda harga. Namun bila pergi ke pasar malam atau kedai runcit, ada yang tidak meletakkan tanda harga.

"Mengenal bekalan telur, kebanyakan kedai runcit dan pasar raya besar masih mempunyai stok, namun sukar mendapatkan minyak masak paket satu kilogram," katanya.

Had telur sepapan setiap pelanggan

Alor Setar: Peniaga terpaksa menjual hanya sepapan telur ayam untuk setiap pembeli, peniaga roti canai tidak mampu menyediakan roti canai telur manakala suri rumah membuat tempahan awal bagi mendapatkan telur.

Kekurangan telur kini melanda beberapa daerah di negeri ini sejak dua minggu lalu dan ia mengundangi resah pengguna.

Tinjauan di beberapa kedai runcit, pasar mini dan pasar raya di sekitar Kubang Pasu dan Kota Setar mendapati, kebanyakan rak

menjual telur kosong.

Peniaga runcit di Kubang Pasu, Suliana Hassan, 42, berkata, permintaan terhadap telur meningkat mendadak terutama ketika musim kenduri ketika ini.

Namun katanya, jika pembekal menghantar bekalan telur, setiap kedai runcit hanya memperoleh 20 papan.

"Kami menghadkan hanya satu papan untuk setiap pelanggan kerana stok terhad.

"Ada kalanya tidak sampai sehari telur habis dijual," katanya.

TINJAUAN di Pasar Siti Khadijah mengalami kekurangan bekalan ayam dan telur hari ini menyebabkan peniaga terpaksa meletakkan harga ayam dan telur di atas harga minimum.



Ambil untung minimum demi pelanggan

Kota Bharu: Kenaikan harga ayam dua hari lalu selain berdepan kekurangan bekalan sejak tiga bulan lalu menyebabkan peniaga terkesan apabila mendakwa mendapat untung minimum demi menjaga pelanggan.

Tinjauan Harian Metro di Pasar Siti Khadijah di sini, mendapati ayam segar dijual pada harga antara RM9.50 hingga RM10 sekilogram (kg).

Pada masa sama, kebanyakan peniaga mendakwa mengalami kekurangan bekalan selain pembekal turut

menghadkan bekalan kepada peniaga.

Peniaga ayam, Zarina Abdullah, 52, berkata, sejak sebulan lalu, dia menjual ayam pada harga RM9 sekilogram, namun menaikkan harga sehingga RM9.50 sejak dua hari lalu.

Katanya, ia disebabkan bekalan ayam diperolehi daripada pemborong dibeli pada harga tinggi.

"Sebagai peniaga, saya tertekan dan tebal muka kerana menjual ayam pada harga tinggi seperti ini.

"Lebih membimbang-

kan, bekalan ayam tidak stabil sekali gus tidak dapat memenuhi permintaan pelanggan, malah pemborong juga hadkan bekalan ayam.

"Disebabkan kekurangan bekalan, saya mendapatkan ayam lebih daripada satu pemborong di Kota Bharu dan dalam sehari hanya jual 50 ayam berbanding 250 sebelum ini," katanya di sini, semalam.

Manakala seorang lagi peniaga, Mohd Akif Asyraf Abdullah, 35, berkata, dia difahamkan, kenaikan harga

ayam berlaku di peringkat ladang biarpun permintaan ayam amat tinggi.

"Sebelum ini bekalan mudah didapati dan saya mampu jual sehingga 250 ayam sehari, namun ketika ini masalah utama adalah bekalan berkurangan dan perlu mencatu bekalan bagi memenuhi permintaan pelanggan.

"Pada masa sama, pembekal berhadapan gangguan bekalan dan menyebabkan peniaga sukar menganggarkan harga ayam sama ada naik atau turun," katanya.

Semua dalam dilema

Syor kawal kos dari awal hingga akhir sebagai jalan penyelesaian

Oleh Mohamad
Fahd Rahmat
am@hmetro.com.my

Johor Bahru

Jalan penyelesaian isu kenaikan harga ayam yang terbaik adalah dengan mengawal kos dari awal hingga akhir yang dalam masa sama memberikan situasi menang-menang kepada semua pihak.

Ini kerana semua pihak bermula daripada penternak, pemborong, peniaga dan pengguna berada dalam dilema setiap kali berlaku kenaikan bahan makanan itu dan lebih memburukkan keadaan ada yang mengalami kerugian berterusan.

Pengerusi dan Pengarah Eksekutif NB Poultry Sdn Bhd, Baharudin Ahmad berkata, sebagai pembekal ayam terbesar di negeri ini, pihaknya terpaksa menyeras kos kerugian 83 sen untuk setiap ayam yang siap disembelih, diproses dan dihantar ke peruncit sejak Disember lalu.



"Kami mendapat bekalan ayam hidup yang diambil dari ladang di Pagoh, Muar dan dibawa ke Pontian pada harga RM12.20 seekor (berat kira-kira dua kilogram).

"Kami perlu menjual pada harga RM12.87 seekor siap diproses kepada peruncit untuk mendapat untung 67 sen. Namun perkiraan kos ayam hidup dan proses serta menghantar sampai ke peruncit adalah sebanyak RM1.50 seekor yang menyebabkan kami terpaksa menanggung kos kerugian se-



Kami perlu menjual pada harga RM12.87 seekor siap diproses kepada peruncit untuk mendapat untung 67 sen. Namun perkiraan kos ayam hidup dan proses serta menghantar sampai ke peruncit adalah sebanyak RM1.50 seekor yang menyebabkan kami terpaksa menanggung kos kerugian sebanyak 83 sen seekor"

Baharudin Ahmad

banyak 83 sen seekor," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Katanya, beliau tidak membantah apa ditetapkan kerajaan berhubung isu harga ayam tetapi pihaknya turut menanggung pelbagai kos bermula daripada be-

kalan dari penternak hingga membayar kos pengangkutan dan gaji pekerja.

"Bermula dari ayam diternak hingga dihantar ke kedai runcit atau pasar raya, semuanya ada kos yang perlu ditanggung," katanya.

Baharudin berkata, pihaknya juga kesal kerana sering dianggap sebagai orang tengah yang menjadi punca kenaikan harga ayam di pasaran.

"Siapa orang tengah? kami bukan orang tengah, kami adalah pembekal atau pengilang. Saya kesal kerana ada yang mempersoalkan mengapa dahulu kami boleh bertahan kenapa sekarang tak boleh.

"Dahulu, harga ayam dikawal seminggu sebelum perayaan tetapi sejak Disember lalu, harga ayam berterusan dikawal hingga sekarang tanpa mengira peningkatan kos semasa.

"Jika berterusan memang kami tak boleh bertahan dan ada syarikat rakan satu industri dengan saya yang sudah 'bungkos'," katanya.

Pasar raya hadkan belian pelanggan

Kuala Lumpur: Bekalan telur ayam bagi gred tertentu di sekitar Lembah Klang didapati semakin berkurangan dengan ada pasar raya bertindak mengehendkannya bagi setiap pelanggan.

Tinjauan Harian Metro di beberapa kedai runcit sekitar Shah Alam semalam mendapati, telur gred C mengalami kekurangan bekalan akibat permintaan yang tinggi daripada pengguna.

Seorang peniaga, Raj, 43, berkata pihaknya masih menjual telur ayam pada harga sebelum ini biarpun desas desus mengatakan harga barangan itu akan

naik dalam masa terdekat. Menurutnya, bekalan di kedainya masih mencukupi dan tidak berdepan kekurangan bekalan untuk beberapa minggu lagi.

"Saya ada stok yang cukup. Ada gred tertentu yang kurang, tetapi bekalan tetap masih ada. Mungkin sebab ada khabar angin ia akan naik harga selepas ini," katanya.

Dalam pada itu, tinjauan di sebuah pasar raya di Seksyen 18 di sini mendapati, pengguna hanya dibenarkan membeli maksimum dua papan telur gred C.

Langkah wajar kurangkan harga maksimum runcit

Kuala Lumpur: Inisiatif kerajaan mengurangkan harga maksimum runcit bagi ayam standard mendapat pelbagai reaksi daripada pengguna, peniaga dan pembekal.

Pengguna, Nur Afifah Amin Zafri, 20, berkata, langkah itu wajar terutama dalam tempoh pandemik kerana masih ramai rakyat terkesan akibat kehilangan kerja sebelum ini dan baru dapat pekerjaan.

Katanya, sedikit atau banyak pengurangan harga juga bukan soalnya kerana apa yang lebih penting kerajaan prihatin dan mendengar keluhan rakyat.

"Walaupun tidak keluar duit sendiri untuk beli ayam namun saya ada teman ibu dan ayah ke pasar dan pernah juga mereka bangkit-

kan isu harga.

"Bukan hanya ayam namun ada beberapa barang naik harga jadi saya sokong usaha kerajaan itu (mengurangkan harga maksimum).

"Bagi saya, ia bukan hanya membantu rakyat di luar bandar namun di bandar juga kerana ramai sebatangannya yang berada dalam kategori miskin bandar. Jangan kata ayam, telur pun mereka tidak mampu beli jadi terima kasih kerajaan di atas usaha diambil," katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Sementara itu, peniaga ayam Pasar Kajang dikenali Reyzaiana, 35, berkata, dia tiada pilihan melainkan akan dengan ketetapan kerajaan biarpun ia lebih menguntungkan pengguna.

Kuala Terengganu: Masalah bekalan telur tidak mencukupi di negeri ini sudah berlarutan sejak sebulan lalu, sekali gus menimbulkan masalah kepada pengguna termasuk peniaga.

Tinjauan Harian Metro ke Pasar Bukit Besar dan beberapa kedai runcit di daerah ini mendapati bekalan telur baharu kehabisan stok sejak kelmarin.

Peniaga, Azlan Mohamad, 56, berkata, dia menjual 300 papan telur yang terakhir pada Isnin lalu.

"Biasanya bekalan telur sampai ke kedai pada setiap hari dan atas permintaan peniaga, tetapi sekarang hanya sekali seminggu.

"Jika bekalan telur sampai, tak sampai sehari akan habis kerana semua orang berebut-rebut membelinya maklumlah stok telur sukar diperolehi sekarang.

"Walaupun penawaran telur kurang dan permintaan pun tinggi, harga telur tetap dijual mengikut harga pasaran yang ditetapkan," katanya ketika ditemui di kedainya di Pasar Bukit Besar, di sini, semalam.

Katanya, dia difahamkan masalah bekalan telur itu berlaku kerana harga kawalan yang ditetapkan pihak berkuasa terlalu lama.

"Harga kawalan yang terlalu rendah dipercayai menyebabkan pengeuar telur

Stok telur habis!



PENIAGA, Zuhaira Zulkifli melihat tempat letak bekalan telur yang kosong kerana tiada stok di kedainya di Kuala Terengganu. - Gambar NSTP/AHMAD RABIUL ZULKIFLI

berasa tidak memadai dengan kos pengangkutan dari ladang.

"Kami faham harga kawalan yang ditetapkan untuk meringankan beban pengguna, tetapi sekarang timbul masalah lain apabila bekalan telur pula sukar diperolehi," katanya.

Katanya, disebabkan terlalu ramai pelanggan bertanya mengenai bekalan telur, dia terpaksa menampal poster pemberitahuan mengenai ketiadaan stok telur.

"Saya kasihan dengan pengguna yang ingin mem-

beli telur tetapi tiada stok, malah ada pengguna yang turut pergi ke banyak kedai mencari bekalan telur," katanya.

Peniaga kedai runcit, Zuhaira Zulkifli, 30, dari Kampung Losong Haji Mat Syafie di sini, berkata, masalah ketiadaan bekalan telur itu pertama kali berlaku sejak dia mula berniaga dua tahun lalu.

"Sekarang semua gred telur tiada stok, ramai pelanggan yang datang kedai terpaksa pulang dengan hampa kerana tiada bekalan telur.

"Ada segelintir pengguna yang ingin membuat tempahan awal tetapi kami menolaknya kerana tidak tahu bila bekalan telur sampai.

"Dalam keadaan sekarang, siapa cepat dia dapat dan kami tidak berjanji dengan pelanggan," katanya.

Sementara itu, Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Terengganu Saharuddin Mohd Kia berkata, pihaknya sedia maklum dengan masalah itu dan sedang berusaha untuk menanganinya.

Bekalan masih cukup di Melaka

Melaka: Bekalan telur ayam masih mencukupi di Melaka setakat semalam, dan kekurangan bekalan hanya sementara disebabkan pembekal bercuti sempena sambutan Tahun Baharu Cina.

Tinjauan di pasar mini dan beberapa kedai runcit di Pasar Besar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) di Jalan Tun Fatimah, Bachang, di sini, mendapati bekalan telur ayam masih ada.

Peniaga runcit, Zakaria HP Shawkatkali, 45, berkata, sejak 31 Januari lalu, dia tidak menerima stok telur ayam kerana pembekal tidak beroperasi sempena

Tahun Baharu Cina.

"Biasanya saya membeli 20 papan telur ayam gred A dan gred C sehari dan dijual di bawah harga maksimum ditetapkan.

"Namun, sejak 31 Januari lalu bekalan tidak sampai kerana saya dimaklumkan pembekal bercuti sempena TBC.

"Saya difahamkan Jumaat ini pembekal akan beroperasi semula dan menghantar bekalan telur ayam ke kedai saya," katanya.

Seorang lagi peniaga runcit, Mohd Nazri Mohd Noor, 43, berkata, bekalan telur ayam masih ada dan kekal mengikut harga siling ditetapkan.